

12/09/2002

Bumiputera perlu rebut peluang teknikal

KEBIMBANGAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap sikap ramai Bumiputera yang tidak berminat menguasai bidang kemahiran perlu diberi perhatian serius. Perdana Menteri bimbang jika Bumiputera tidak mempunyai kecekapan, kesanggupan dan keinginan untuk mengejar ilmu dan kemahiran, akan menyebabkan mereka ketinggalan daripada kaum lain. Jika terlalu banyak bidang yang tidak diminati, apakah peluang mereka untuk maju.

Demi syarat untuk mencipta nama sebagai negara maju, Malaysia memerlukan rakyat yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang. Jika Bumiputera tidak mampu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran diperlukan, mereka tidak dapat mengecapi kehidupan lebih baik. Sehubungan itu, Bumiputera dari kecil lagi, perlu disemai dan dilatih supaya meminati bidang kemahiran. Bumiputera perlu merebut sebanyak mungkin peluang yang disediakan kerajaan, terutama melalui Majlis Amanah Rakyat (Mara) bagi menguasai bidang kemahiran, khususnya yang berteknologi tinggi. Mereka perlu mengikis pandangan bahawa kerja dalam bidang kemahiran yang membabitkan soal teknikal dan mekanikal sebagai sukar. Kaum lain lebih maju dalam bidang itu kerana mereka berminat dan bersungguh-sungguh untuk menguasainya.